

Dasar tak campur tangan sukarkan ASEAN tangani konflik serantau

● Dasar tidak campur tangan ASEAN sering ditafsirkan mengikut kepentingan nasional masing-masing sehingga banyak isu serantau tidak dapat diselesaikan dengan berkesan

● Dasar ASEAN ini mungkin perlu diberi takrifan dan had lebih jelas supaya dapat memandu hala tuju pertubuhan ini lebih tegas sebagai organisasi serantau



Pegawai Penyelidik di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR)

Oleh Ahmad Muziru Idham Adnan
bhrencana@bh.com.my

Pada 1997, Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim pernah mengusulkan idea *constructive intervention* (campur tangan konstruktif) dengan cadangan supaya ahli ASEAN menawarkan galakan bantuan kepada anggota lain sebagai usaha memulihkan kestabilan politik dan ekonomi negara supaya tidak memberi impak kepada rantau ini.

Pada 1998 pula, Menteri Luar Thailand, Surin Pitsuwan mencadangkan idea

flexible engagement (perhubungan anjal) dengan negara ASEAN dibenarkan mengkritik salah laku kerajaan domestik secara terbuka berbanding sekadar melakukan komunikasi diplomatik tertutup.

Kedua-dua cadangan ini ditolak majoriti negara ASEAN atas alasan doktrin tidak campur tangan sudah lama diamalkan ASEAN. Dalam doktrin itu, kritikan terhadap negara lain tidak boleh dibuat meskipun kerajaannya menindas rakyat sendiri dan melanggar prinsip hak asasi manusia.

Maka, dapat difahami di sini seruan untuk penilaian semula terhadap dasar tidak campur tangan ASEAN wujud semenjak 1990-an lagi, tetapi tidak berlanjutan lama disebabkan doktrin ini terikat dengan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (TAC) pada 1976.

Di sini wujud persoalan penting memerlukan jawapan konkrit, apakah takrif dan had kepada doktrin tidak campur tangan ASEAN?

Ini adalah persoalan asas kerana selama ini dasar tidak campur tangan sering ditafsirkan mengikut kepentingan nasional masing-masing sehingga banyak isu serantau tidak dapat diselesaikan dengan berkesan.

Dalam hal ini, jika ditinjau kepada isu dan konflik di ASEAN, permasalahan dasar tidak campur tangan itu bukan hanya membabitkan hal ehwal domestik seperti pembantaian masyarakat Rohingya di Myanmar, bahkan membabitkan isu transnasional seperti permasalahan jerebu, pemerdagangan orang hingga pertikaian wilayah kedaulatan dengan negara luar contohnya, isu

Nine-Dash Line antara China dengan sebahagian besar anggota ASEAN.

Namun, dasar tidak campur tangan ini menyebabkan isu hangat dan sensitif sebegini jarang dibincangkan pada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM), bahkan beberapa kali isu menyentuh pertikaian wilayah digugurkan daripada usul AMM.

Pada masa sama, dasar tidak campur tangan menjadi norma ASEAN menyebabkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Antara Kerajaan ASEAN (AICHR) tidak diberi mandat secukupnya untuk memperkasa hak asasi manusia serantau.

Sejak penubuhannya pada 2009, AICHR terbentuk sebagai badan antara kerajaan dan hanya bertindak sebagai badan perundangan semata-mata.

Tugas AICHR sekadar mempromosi, menggalakkan, meningkatkan kesedaran dan menasihati anggota ASEAN mengenai hak asasi manusia dan tidak diberi mandat melindungi hak asasi manusia.

Beri AICHR mandat

Maka, jika ASEAN hendak wujud ke hadapan sebagai model serantau progresif dalam arena antarabangsa, hal paling asas perlu ASEAN bantukan adalah memberi mandat kepada AICHR untuk mewujudkan mekanisme aduan dan paman-tauan terhadap negara anggota.

Pada era pasca pandemik ini, sudah tiba masanya dasar tidak campur tangan ini dinilai semula ASEAN jika mahu lahir sebagai organisasi seran-

tau antara negara yang kuat. Dasar tidak campur tangan menyebabkan banyak isu membabitkan kepentingan serantau tidak dapat dibincangkan dengan tuntas dan dibiarkan diselesaikan secara bilateralisme.

Setidaknya, dalam isu dasar tidak campur tangan, ASEAN boleh mengambil manfaat daripada model Kesatuan Afrika (AU) yang memberi kuasa kepada negara anggotanya mengkritik tindakan negara melanggar kedaulatan perundangan.

Namun, pendekatan AU memberi kebenaran kepada negara anggotanya untuk melakukan campur tangan ketenteraan adalah tidak bersesuaian dengan norma ASEAN yang lebih mementingkan perundangan dan kesepakatan serta situasi politik serantau lebih stabil.

Namun tetap, isu utamanya adalah dasar tidak campur tangan tidak sewajarnya sampai menghalang ASEAN untuk melakukan kritikan terhadap sebarang perkara boleh menggugat kestabilan serantau dan menutup perbincangan pada peringkat mesyuarat ASEAN.

Persefahaman bersifat kolektif

ASEAN yang wujud sebagai persefahaman serantau seharusnya bersifat kolektif. Jika isu serantau diselesaikan secara bilateral, ia akan mengundang permasalahan tidak berkesudahan.

Justeru, pada era Anwar sebagai Perdana Menteri di bawah panji Kerajaan Perpaduan, barangkali idea ini boleh dibangkitkan dan dibincangkan semula dengan nafas baharu.

Melihat kepada konflik dan isu melanda rantau ini, termasuk tindakan kekerasan terhadap rakyat di negara anggota ASEAN, dasar tidak campur tangan mungkin perlu diberikan takrifan dan had lebih jelas supaya dapat memandu hala tuju ASEAN lebih tegas sebagai organisasi serantau.

Dengan cara ini, bukan sahaja isu serantau dapat dibincangkan bersama untuk mencari titik penyelesaiannya, bahkan ketegangan di kawasan maritim Asia Tenggara membabitkan persaingan kuasa besar di Laut China Selatan khususnya China dan Amerika Syarikat (AS) dapat ditangani.

Malaysia boleh menjadi pelopor kepada perbincangan ini memandangkan Anwar antara pemimpin terawal mengusulkan idea penilaian semula terhadap dasar tidak campur tangan ASEAN.

“ ASEAN boleh mengambil manfaat daripada model Kesatuan Afrika (AU) yang memberi kuasa kepada negara anggotanya mengkritik tindakan negara melanggar kedaulatan perundangan ”

